## Kata Sendi Nama

### Pattu Pavadai

Pattu pavadai ialah pakaian tradisional kaum India. Pakaian itu dipakai oleh kanak-kanak perempuan India di bawah umur 12 tahun. Biasanya, pakaian itu diperbuat daripada kain sutera. Pakaian itu sangat cantik.

Gauri mempunyai sepasang pattu pavadai. Dia amat suka akan pakaian itu. Dia memakai pakaian itu pada hari perayaan Deepavali. Dia juga memakai pakaian itu apabila berkunjung ke majlis keraian.

Baru-baru ini, ibu Gauri membeli sepasang pattu pavadai baharu untuk Gauri. Beliau membeli pakaian itu di sebuah kedai tidak jauh dari rumahnya. Gauri berasa amat gembira. Dia berterima kasih kepada ibunya.

### Pavadai Thavani

Pavadai thavani ialah pakaian tradisional yang dipakai oleh remaja perempuan India. Pakaian itu diperbuat _____ kain sutera. Pakaian itu sangat cantik dan mempunyai pelbagai corak dan warna.

Kakak Gauri mempunyai dua pasang pavadai thavani. Dia amat sayang _____ pakaian itu. Pakaian itu dihadiahkan _____ ibunya.

Pada minggu lalu, kakak Gauri berkunjung _____ majlis perkahwinan gurunya. Majlis itu berlangsung _____ Taman Damai. Taman itu terletak tidak jauh _____ rumahnya. Dia memakai pavadai thavani _____ hari tersebut. Kawan-kawannya memuji kecantikan pakaian itu. Dia mengucapkan terima kasih _____ mereka.

**CELIK BAHASA**

**Kata sendi nama** ialah perkataan yang letaknya di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menerangkan kata nama atau frasa nama tersebut.
Contoh: di, dari, daripada, pada, kepada

**Nota Guru**

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata sendi nama.
- Minta murid melengkapkan petikan dengan kata sendi nama.

KBAT – Mengaplikasi  Strategi PdP: Kontekstual  EMK: Nilai Murni – Bersyukur

5.1.4(ii)



LIVEWORKSHEETS